

# Melebihi ambang amaran

HORIZON METRO (05/05/2021) M15 12  
Penggunaan katil rawatan kritikal di ICU hospital di Lembah Klang capai 90%

Kuala Lumpur

Kadar penggunaan katil rawatan kritikal di Unit Rawatan Rapi (ICU) Covid-19 hospital di Lembah Klang secara purata mencapai 90 peratus semalam dan melebihi ambang amaran.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah turut mengesahkan lebih 20 kes dirujuk ke ICU setiap hari dalam tempoh satu minggu manakala 63 pesakit ICU dengan lebih 25 pesakit kritikal untuk dipantau di wad biasa dan Jabatan Kecemasan di Hospital Sungai Buloh.

Dr Noor Hisham turut berkongsi video suasana pesakit kritikal Covid-19 di ICU Hospital Sungai Buloh, semalam di mana mereka menggunakan ventilator.

Beliau turut menekankan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kini hampir kekurangan katil di hospital kendalian mereka ketika ini.

"Berkongsi pesakit Covid-19 yang kritikal di ICU Hospital Sungai Buloh.

"Kami hampir kehabisan katil. Jaga diri dan kekal se-

lamat," tulisnya di Facebook rasminya, semalam.

Selain itu, Dr Noor Hisham turut berkongsi statistik yang dilaporkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) Kebangsaan apabila sebanyak enam hospital yang mempunyai katil rawatan kritikal atau ICU dikhususkan untuk merawat pesakit Covid-19 didapati melebihi ambang amaran dengan kadar penggunaan katil melebihi 70 peratus.

"Hospital berkenaan adalah Hospital Sungai Buloh, Hospital Kuala Lumpur, Hospital Ampang, Hospital Serdang, Hospital Selayang dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang di mana ada di antaranya sudah pun menghampiri 100 peratus.

"Pusat Perubatan Universiti Malaya pula melaporkan penggunaan katil rawatan kritikal atau ICU Covid-19 pada kadar melebihi 50 peratus," katanya.

Menurutnya, Hospital



DR Noor Hisham berkongsi gambar suasana pesakit kritikal Covid-19 di ICU Hospital Sungai Buloh di Facebook rasminya.

Sungai Buloh yang beroperasi sepenuhnya sebagai hospital Covid-19 akan meningkatkan kapasiti katil rawatan kritikal atau ICU secara berfasa bagi memenuhi keperluan yang meningkat.

"KKM sudah membuat perolehan peralatan perubatan seperti ventilator sejak 2020 lagi bagi membolehkan Hospital Sungai Buloh meningkatkan kapasiti katil rawatan kritikal apabila terdapat keperluan mendesak.

"Pembedahan dan prosedur elektif di hospital di sekitar Lembah Klang akan dikurangkan atau ditangguhkan bagi membolehkan lebih

banyak katil hospital dikhususkan untuk rawatan Covid-19.

"Ini juga membolehkan anggota perubatan dimobilisasikan ke tempat yang lebih kritikal bagi perawatan pesakit Covid-19," katanya.

Menurutnya, KKM juga akan terus bekerjasama dengan hospital swasta, pengajar atau universiti di sekitar Lembah Klang bagi meningkatkan kapasiti katil kritikal.

"Ini termasuk penyumberluan pesakit bukan Covid-19 bagi kes dan

prosedur tertentu untuk dirawat di hospital swasta dengan kos ditanggung oleh kerajaan pada caj rawatan yang dipersetujui.

"Penyumberluan ini telah pun dilaksanakan sejak gelombang kedua pada 2020 dan masih diteruskan sehingga

kini," katanya.

Beliau berkata, sekiranya trend peningkatan kes Covid-19 ini berterusan, kapasiti kesihatan akan berada pada tahap kritikal dan akan memberikan impak negatif kepada penyampaian perkhidmatan kesihatan awam secara keseluruhannya.

"Masyarakat diseru untuk sama-sama membantu KKM dengan sentiasa mematuhi prosedur operasi standard ditetapkan kerajaan dan mematuhi nasihat kesihatan yang sering ditekankan KKM bagi memutuskan rantaian jangkitan Covid-19 di negara ini," katanya.



DR Noor Hisham

# Kelantan tidak bercadang beli vaksin

**Kota Bharu:** Kerajaan negeri Kelantan tidak bercadang membeli vaksin Covid-19 berikutan ia membabitkan kos yang tinggi.

Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob berkata, pihaknya setakat ini mengambil pendekatan seperti negeri-negeri lain kerana ia membabitkan kos yang besar.

“Kita ambil pendekatan tunggu dan ikut pendaftaran seperti biasa,” katanya selepas mengunjungi Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Salor di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan negeri, Dr Izani Husin serta Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri, Datuk Dr Zaini Hussin.

Sebelum ini, Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan,



AHMAD (kiri) bersama Pengarah PKRC SMK Salor, Dr Mohd Azman Yacob (dua dari kiri), semalam.

Khairy Jamaluddin dilaporkan berkata, kerajaan negeri dibenarkan membeli vaksin sendiri.

Katanya, namun kerajaan negeri Selangor dan Sarawak yang berhasrat membeli sendiri bekalan

vaksin itu harus memastikannya ia berdaftar dengan Bahagian Kawal Selia Farmasi Negara (NPRA).

Dalam perkembangan lain, Ahmad turut melahirkan kebimbangan berhubung peningkatan kes Covid-19

di negeri itu.

Katanya, setiap hari Kelantan mencatatkan kes tiga angka menjadikan negeri itu hampir setiap hari berada di kedudukan tiga tertinggi bagi kes Covid-19 di seluruh negara.

“Memang kita bimbang daripada kebanyakan daerah hijau bertukar kepada merah. Tiada pendekatan lain melainkan semua rakyat berdisiplin dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

“Sehingga kini tahap SOP dari segi penjarakan fizikal di lokasi tertentu seperti pasar masih lemah dan kita mengharapkan kerjasama semua pihak untuk memutuskan rangkaian Covid-19,” katanya.

Pada masa sama, Ahmad berkata, setakat ini tiada perancangan untuk membuat *lockdown* di negeri itu.

**Ambil pendekatan seperti negeri lain kerana ia babitkan kos yang besar**